



INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KAMPUS DARULAMAN
06000 JITRA, KEDAH DARULAMAN

ARAHAN KEPADA PELAJAR BAHARU

1. Bayaran Elaun

- 1.1 Pembayaran elaun akan dibuat melalui bank yang akan ditentukan oleh pihak institut.
- 1.2 Sila sediakan salinan fotostat muka surat buku akaun bank yang mengandungi nombor akaun untuk diserahkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar pada masa pendaftaran.
- 1.3 Anda dinasihatkan membawa wang secukupnya untuk perbelanjaan harian kerana elaun pelajar baharu akan hanya dibayar dalam masa satu atau dua bulan selepas pendaftaran.

2. Pakaian

- 2.1 Pada masa pendaftaran, para pelajar dikehendaki memakai pakaian kemas dan sesuai dengan profesion keguruan. Sila rujuk arahan (a) di bawah.
- 2.2 Sepanjang berkursus para pelajar **wajib** mematuhi etika berpakaian seperti berikut:

Lelaki

- (a) Baju kemeja berlengan panjang/pendek dan berseluar panjang. **Seluar "jeans" dilarang sama sekali.**
- (b) Tali leher institut mesti dipakai setiap hari Ahad dan pada masa perhimpunan rasmi institut.
- (c) Pakaian sukan dipakai pada masa menjalani aktiviti amali Pendidikan Jasmani serta GERKO sukan dan permainan serta olahraga.
- (d) Pakaian baju batik institut boleh dipakai pada setiap hari Khamis.
- (e) Tali leher mesti dipakai sepanjang Minggu Pengurusan Pelajar Baharu.

Perempuan

- (a) Pakaian rasmi yang tidak mendedahkan sebahagian/ keseluruhan anggota badan dari bawah paras leher hingga ke paras lutut. **Seluar "jeans" dilarang sama sekali.**
- (b) Tudung/mini telekung dibenarkan kepada pelajar perempuan Islam.
- (c) Pakaian batik institut boleh dipakai pada setiap hari Khamis.
- (d) Pakaian sukan yang sesuai dipakai pada masa menjalani aktiviti amali Pendidikan Jasmani serta GERKO sukan dan permainan serta olahraga.

3. Peringatan Penting

- 3.1 **Para pelajar yang mengandungi tidak dibenarkan mendaftar.**
- 3.2 Anda dinasihatkan supaya membuat keputusan muktamad sebelum melapor diri. Jika anda meninggalkan kursus pendidikan perguruan sebelum tamat, anda atau penjamin-penjamin anda akan dikenakan tindakan membayar balik sejumlah wang kepada KERAJAAN MALAYSIA seperti yang termaktub dalam Borang Perjanjian Pendidikan Guru yang anda tanda tangan.